



Anggota Pertahanan Awam meninjau kawasan berlaku air pasang besar sekitar pantai Kampung Sungai Meriam, Kota Kuala Muda semalam.

Kerajaan Selangor digesa atasi banjir

➔ Benteng pecah akibat air pasang besar perlu diperkukuh

Oleh Rafidah Mat Ruzki, Suzalina Halid, Omar Osman, Nor Farhani Che Ad, Norzamira Che Noh, Abu Bakar Al Sidek, Noor Hidayah Tanzizi dan Nor Raidah Awang
bhnews@bh.com.my

▀ Shah Alam

Kerjasama kerajaan negeri amat diperlukan bagi mengatasi masalah banjir di Selangor yang berpunca daripada fenomena air pasang besar.

Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Tan Sri Noh Omar, berkata pihaknya dimaklumkan ada beberapa benteng pecah yang mengakibatkan air laut melimpah ke kawasan sekitar hingga menyebabkan banjir.

Justeru, beliau berharap Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) mengkaji cara menambah baik benteng yang dibina di pesisiran pantai Selangor bagi mengelak masalah itu berulang.

"Saya akan bawa perkara ini ke Kabinet untuk lihat kaedah menambak baik ban (benteng) dan kita harap kerajaan negeri akan beri kerjasama untuk kebajikan penduduk Selangor, khususnya mereka yang tinggal di pesisir pantai," katanya.

Beliau bercakap kepada pemberita selepas merasmikan Mesyuarat Agung Tahunan Ke-39 Pertubuhan Peladang Negeri Selangor 2016 di sini, malam kelmarin.

Yang turut hadir, Pengerusi Lembaga Pertubuhan Peladang, Tan Sri Zainal Dahalan; Pengerusi Ahli Jemaah Pengarah Pertubuhan Peladang Selangor, Jakiran Jacomah dan Pengerusi Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM), Datuk Seri Dr Irmohizam Ibrahim.

Alami banjir kilat

Noh yang juga Pengerusi Barisan Nasional (BN) Selangor berkata, beliau sudah mengarahkan Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) bersedia untuk menghadapi sebarang kemungkinan berikutan beberapa kawasan di lima daerah di

negeri itu mengalami banjir kilat.

Di **Sungai Petani**, BERNAMA melaporkan ban sepanjang enam kilometer di kawasan pesisir pantai berhampiran Kampung Paya, Kota Kuala Muda di sini, perlu dinaik taraf bagi menghalang limpahan air pasang.

Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Bekalan Air, Sumber Air dan Tenaga Kedah, Datuk Badrol Hisham Hashim, berkata ban sedia ada rosak kerana hakisan ombak.

"Perkara ini kritikal bagi mengelak banjir akibat air pasang," katanya selepas melawat mangsa banjir di pusat pemindahan di Dewan Kampung Paya di sini, semalam.

Beliau berkata, kerosakan ban turut menjejaskan sumber pendapatan penduduk terutama pesawah kerana sawah dimasuki air laut.

"Projek menaik taraf ban berkenaan dijangka memerlukan peruntukan RM16 juta," katanya.



Untuk video layari www.bharian.com.my